

JAS perlu ulasan awam projek kontroversi PSR sebelum 3 Julai

Mingguan Melayu Aia 29/5/2022 Ms. 28

PUTRAJAYA: Hasrat Kerajaan Pulau Pinang untuk memulakan segera projek Penambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) menjelang akhir Jun ini mungkin terpaksa ditangguhkan.


- Ia susulan keputusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) membuka peluang kepada orang awam membuat semakan dan ulasan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) sebelum 3 Julai ini.

Penangguhan itu ekoran kelewatan pameran awam laporan EIA yang hanya mula disiarkan sejak 20 Mei lalu sehingga 18 Jun ini termasuk menerusi laman sesawang rasmi agensi itu.

EIA sebelum ini dibatalkan selepas sebuah mahkamah di Pulau Pinang menerima rayuan para penduduk dan mendapati laporan itu gagal memenuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berdasarkan hantaran infografik dipaparkan melalui laman sosial JAS, projek kontroversi itu melibatkan penebusgunaan laut untuk dibina tiga pulau buatan dan berkeluasan 1,821 hektar.

Komponen projek mega itu turut memabatkan kerja-kerja pengorekan di sekitar Pulau A, B dan C selain pembinaan



LOKASI cadangan tiga pulau buatan (warna kuning) di PSR yang bakal diwujudkan. - IHSAN KERAJAAN PULAU PINANG

struktur pantai serta jambatan penghubung dengan tempoh berbeza.

Pulau A yang berkeluasan 931 hektar disiapkan terlebih dahulu dalam masa sembilan tahun seiring dengan jirannya, Pulau B yang melibatkan penambakan seluas cuma 567 hektar.

Pulau C yang bersaiz paling kecil dengan keluasan 323 hektar pula mampu disiapkan lebih cepat dalam lima tahun manakala jarak jauh tiga pulau itu dari George Town ialah 22

kilometer.

Menurut JAS, projek digerakkan sendiri Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu memberi impak positif dan negatif terhadap alam sekeliling tetapi langkah mitigasi diperincikan dalam laporan EIA.

Ringkasan eksekutif dan laporan EIA bagi projek itu dapat diperoleh daripada Perpustakaan JAS di ibu pejabatnya di Aras 1, Wisma Sumber Asli, Presint 4 di sini hingga 18 Jun ini.